

Perintah Kawalan Pergerakan semasa Pandemik COVID-19 dan Kesannya terhadap Wartawan Malaysia

Kirubasani A/p Nadarajan
Rani Ann Balaraman*

Universiti Sains Malaysia

Emel perhubungan: rani_balaraman@usm.my*

Abstrak

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan undang-undang yang diperkenalkan untuk mengawal pergerakan rakyat negara ini untuk menyekat penularan virus COVID-19. Fasa pertama PKP bermula dari 18 Mac 2020 sehingga 3 Mei 2020, diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dari 10 Mei 2020 sehingga 9 Jun 2020, Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula 7 Jun 2020 sehingga 31 Disember 2020 dan kemudian dilanjutkan lagi dari 1 Januari 2021 hingga 31 Mac 2021. PKP yang bertujuan untuk menyekat penularan virus COVID-19 ini sebenarnya telah memberikan kesan yang sangat mendalam terhadap semua lapisan masyarakat di negara ini termasuk wartawan. Golongan ini tidak terkecuali dari mengalami kesukaran untuk menyesuaikan diri dalam mengumpulkan dan menyampaikan berita dalam suasana yang baharu. Kumpulan ini juga berhadapan risiko tinggi untuk dijangkiti COVID-19. Kajian kualitatif secara temubual mendalam terhadap 12 orang wartawan mendalami kesan yang dihadapi oleh pengamal media ini dalam menjalankan tanggungjawab mereka dalam menyampaikan maklumat kepada rakyat Malaysia dan luar negara. Hasil kajian mendapati terdapat empat kesan positif dan enam kesan negatif sebab pelaksanaan PKP terhadap wartawan. Kesan positif dapat dilihat dalam norma mendapatkan berita, teknologi yang membantu dan PKP yang memberikan kesihatan mental dan fizikal yang baik kepada wartawan. Manakala dari sudut negatif pula, dapatan kajian menunjukkan bekerja dari rumah adalah tidak selesa dan pengenalan teknologi komunikasi menyusahkan wartawan untuk melakukan kerja terutamanya mengumpulkan bahan-bahan berita berunsur human interest.

Kata Kunci: Aplikasi, COVID-19, Kesan, Perintah Kawalan Pergerakan, Wartawan

The Movement Control Order during the COVID-19 Pandemic and its Impact on Malaysian Journalists

Abstract

The Movement Control Order (MCO) is a law introduced to control the movement of the people of this country to prevent the spread of the COVID-19 virus. The first phase of the MCO starts from 18 March 2020 until 3 May 2020, followed by the Conditional Movement Control Order (CMCO) from 10 May 2020 until 9 June 2020, the Recovery Movement Control Order (RMCO) from 7 June 2020 until 31 December 2020 and then extended further from January 1, 2021 to March 31, 2021. The MCO, which aims to curb the spread of the COVID-19 virus, has a profound effect on all walks of life in this country, including journalists. This group is not exempt from experiencing difficulties in adapting to gather and deliver news in a new environment. This group also faces a high risk of contracting COVID-19. A qualitative study through in-depth interviews with 12 journalists delved into the effects faced by these media practitioners in carrying out their responsibilities in delivering information to Malaysians and overseas. The results of the study found that there were four positive effects and six negative effects due to the implementation of the MCO on journalists. Positive effects can be seen from the norm of obtaining news, technology that helps and the MCO that provides good mental and physical health to journalists. While from a negative point of view, the findings of the study show that working from home is uncomfortable and the introduction of communication technology makes it difficult for journalists to do their work, especially gathering news materials with human interest elements.

Keywords: *Application, COVID-19, Effects, Movement Control Order, Journalist*

Pengenalan

Coronavirus disease 2019 atau dikenali sebagai COVID-19 mula dikesan di China pada penghujung tahun 2019 (Daga et al., 2019; Woznitza et al., 2019). Virus ini turut dikenali sebagai SARS-CoV dan MERS-CoV dipercayai boleh menyebabkan berlakunya jangkitan saluran pernafasan yang teruk terhadap manusia (Shuo Su et al., 2016). COVID-19 telah

diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020 apabila banyak negara terkesan dengan serangan virus berkenaan (Cucinotta & Vanelli, 2020; Spinelli & Pellino, 2020).

WHO (2020) telah melabelkan COVID-19 sebagai fenomena yang boleh menjejaskan kesihatan masyarakat dunia. Virus ini dikategorikan sebagai bencana kerana ia telah menyebabkan kesan traumatik yang dialami secara kolektif, mempunyai permulaan dan dibatasi masa (McFarlane & Norris, 2006). Sesiapa yang dijangkiti virus ini boleh mendapat pelbagai simptom daripada tahap ringan hinggalah kesan yang teruk sehingga boleh membawa maut. Antara gejala yang akan dialami oleh mereka yang dijangkiti virus ini ialah demam (80%), batuk (82%) dan sesak nafas (31%). Sehingga 26 Februari 2023, lebih daripada 758 juta kes telah dilaporkan dan lebih daripada 6.8 juta kematian telah direkodkan seluruh dunia akibat COVID-19. Perkara ini memberikan impak terhadap seluruh aspek kehidupan manusia (Chakraborty dan Maity, 2020).

Pada 23 Januari 2020, kerajaan negara China telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Wuhan dan beberapa bandar terdekat dengan Wuhan akibat virus ini. Wuhan adalah wilayah di Hubei, dan kes pertama virus ini mula dikesan di wilayah itu pada akhir November 2019 (Giovanetti et al. 2020). Kawasan-kawasan pelancongan, lapangan terbang, stesen kereta api dan sebagainya telah melaksanakan saringan bagi mengesan para pelancong yang dijangkiti virus ini (Roosa et al., 2020). Penularan virus COVID-19 berlaku dengan pantas (Putri 2020) dan semua negara di dunia mula menutup sempadan mereka bagi membendung penular virus ini (Albattat et al., 2020; Connor, 2020; UNWTO, 2020).

Di Malaysia, mantan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengisytiharkan PKP fasa pertama pada majlis Perutusan Khas Perdana Menteri pada 16 Mac 2020. PKP fasa 1 ini telah dilaksanakan dari 18 Mac hingga 31 Mac 2020 dan tujuan utamanya untuk mengawal penularan virus COVID-19 di negara ini (Astro Awani, 16 Mac 2020). Pengenalan PKP ini menyekat aktiviti harian rakyat negara ini seperti pergerakan rentas daerah, merentas negeri dan sebagainya. Rakyat

hanya dibenarkan untuk keluar rumah bagi urusan rasmi seperti urusan kerajaan, rawatan kesihatan dan perubatan serta membeli barangan keperluan sahaja (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021).

Seterusnya, pada 3 Mei 2020, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) (Samsudin, Armugam, M. A. L., & Tai, 2021) dilaksanakan sehingga 10 Jun 2020 kemudian disambung dengan PKPP. Pada 9 Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2022 Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) telah dikuatkuasakan (Halimah et al., 2020). Menurut Langgat (2020), peraturan baharu terpaksa diperkenalkan pada tempoh PKPP tersebut. Kelonggaran diberikan kepada masyarakat untuk menjalani aktiviti kehidupan dengan mematuhi SOP yang ditetapkan. Ketika fasa PKPB dan PKPP, kelonggaran diberikan dengan syarat yang ditetapkan untuk pembukaan semula sektor ekonomi dengan cara terkawal mulai 13 Mei 2020 (Jabatan Perdana Menteri, 2020).

Wartawan yang bertugas untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat juga tidak terlepas daripada menerima tempas dari pengenalan PKP ini. Bidang kerja wartawan yang sentiasa memerlukan mereka bergerak dan bertindak pantas mengumpulkan maklumat tiba-tiba berhadapan dengan situasi yang tidak membenarkan mereka berjumpa dengan sumber mereka. Pada era pandemik ini, wartawan berperanan dalam memberikan informasi dan penerangan masyarakat untuk mereka mengetahui dan mengenali virus itu. Dalam mendukung tanggungjawab ini golongan wartawan harus menghasilkan dan menyebarkan berita mengenai virus ini kepada masyarakat supaya mereka berjaga-jaga, bertindak untuk mengelak dari dijangkiti, kekal sihat dan selamat. Kajian ini cuba melihat kesan yang dihadapi oleh wartawan semasa menjalankan tanggungjawab untuk menyampaikan maklumat mengenai COVID-19 ini kepada masyarakat Malaysia semasa PKP fasa 1.

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti kesan yang dihadapi oleh wartawan di Malaysia semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Sorotan Literatur

Banyak kajian mengenai kerjaya kewartawanan semasa satu-satu kejadian telah dilakukan seperti bencana alam, serangan virus selsema burung dan sebagainya. Kajian-kajian ini dilakukan dengan pelbagai tujuan termasuk untuk melihat cabaran yang dihadapi oleh wartawan, perancangan mereka, cara mereka mengatasi masalah dan sebagainya.

Kajian seperti ini pernah dilakukan oleh Siti Nur Ain Mustafa, Mohamad Saifudin Mohamad Saleh dan Azman Azwan Azmawati (2021). Kajian mereka melihat cabaran dalam pelaporan berita tsunami yang dihadapi oleh wartawan Malaysia dan Indonesia. Hasil temubual dengan lapan orang wartawan mendapati bilangan wartawan pakar isu berkaitan tsunami adalah rendah, pengetahuan responden tentang bencana tsunami adalah rendah dan dapatan kajian juga menunjukkan kurang persediaan dalam bilik berita di kedua-dua buah negara.

Kajian oleh Rohana Amdan, Fadli Abdullah dan Md Azalanshah Md Syed (2022), menyimpulkan pandemik COVID-19 telah mengubah kehidupan dan rutin seharian manusia kepada sebuah norma yang baru termasuk wartawan yang terlibat dalam melaporkan berita kesihatan. Kajian dilakukan melalui temubual dengan 16 responden dan mendapati terdapat perubahan dari segi pelaporan berita dan rutin pekerjaan dalam kalangan wartawan di Malaysia ketika pandemik. Kewujudan teknologi canggih juga dikatakan membantu wartawan untuk beralih kepada teknologi digital selepas pandemik.

Kajian mengenai cabaran dunia kewartawanan semasa COVID-19 juga telah dilakukan di negara jiran Indonesia. Gardina Peni Payo (2022), melakukan kajian mengenai halangan yang terpaksa dihadapi oleh wartawan *Jogja Televisyen*, Indonesia semasa membuat liputan pandemik COVID-19. Dapatan kajian menunjukkan wartawan di negara tersebut terpaksa berhadapan dengan dua jenis cabaran iaitu cabaran dalaman dan cabaran luaran. Cabaran dalaman wujud daripada diri wartawan tersebut seperti semangat yang rendah ketika melaporkan berita pandemik dan luaran iaitu faktor teknikal seperti kerosakan jalan atau sesak ketika menuju ke kawasan membuat liputan.

Wartawan juga dikatakan mempunyai strategi ketika membuat sesuatu liputan semasa berlakunya bencana atau krisis. Kajian oleh Muhammad Ridlo dan Gani (2022) mendapati terdapat beberapa perkara atau strategi yang dilakukan oleh wartawan ketika membuat liputan berita COVID-19 di Bandung, Indonesia. Dapatan kajian menjelaskan, wartawan yang bertugas di *Tribunjabar.id* bekerja di lapangan ketika pandemik terpaksa mematuhi prosedur standard operasi (SOP) dan protokol yang ditetapkan oleh syarikat media. Mereka juga melakukan liputan secara talian ketika keadaan tidak mengizinkan.

Kajian secara temu bual terhadap 16 orang wartawan dari Australia yang melaporkan mengenai selsema burung dilakukan oleh Leask, Hooker dan King (2010). Kajian ini menumpukan perhatian terhadap sumber yang digunakan oleh wartawan untuk menulis berita mereka. Kajian mendapati wartawan banyak bergantung kepada sumber utama iaitu doktor untuk mengumpulkan maklumat. Sebab penggunaan sumber ini adalah kerana, selsema burung melibatkan isu kesihatan dan hanya doktor yang mempunyai kelayakan dan posisi untuk memberikan maklumat yang sahih.

Kajian mengenai virus berbahaya wabak H7N9 di China telah dilakukan oleh Wuqi Qiu dan rakan-rakannya (2018) dan mendapati terdapat impak kesihatan yang teruk terpaksa dihadapi oleh para wartawan ketika membuat laporan H7N9. Antara kesan tersebut termasuklah kematian yang melibatkan wartawan yang membuat liputan berita H7N9. Kajian mengenai etika wartawan bencana dalam berita televisyen yang melaporkan mengenai bencana Gunung Sinabung di *TVOne* pula dikaji oleh Christiany Juditha (2020). Kajian beliau menyimpulkan setiap pekerja di industri media di seluruh syarikat televisyen, tetap berpegang kepada etika kewartawanan mereka ketika membuat liputan mengenai bencana atau krisis yang berlaku supaya tidak mengundang perasaan trauma dalam kalangan khalayak.

Banyak kajian dilakukan mengenai dunia kewartawanan dan kaitan dengan satu-satu krisis di dalam dan luar negara termasuklah kajian mengenai kewartawanan semasa pandemik. Di Malaysia, kajian mengenai COVID-19 dan dunia kewartawanan dilakukan tetapi kajian berkenaan

lebih memberikan tumpuan kepada permasalahan yang dihadapi oleh wartawan kesihatan. Walau bagaimanapun, kajian ini memberikan perhatian kepada kesan PKP semasa pandemik kepada wartawan di Malaysia secara umum.

Metodologi Kajian

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual secara mendalam terhadap 12 orang wartawan media cetak dan media atas talian yang bertugas ketika pandemik COVID-19 di Malaysia. Walau bagaimanapun, bilangan informan tidak terhad kepada 12 orang sahaja tetapi ia adalah berdasarkan kepada ketepuan data (Baker & Edwards, 2012). Menurut Guest, Bunce dan Johnson (2006), bilangan persampelan minimum adalah 12 kerana ketepuan paling kerap berlaku sekitar 12 orang informan dalam kumpulan homogen untuk menyelidiki kualitatif seperti temu bual mendalam. Teknik persampelan secara bertujuan (*purposive sampling*) digunakan kerana pemilihan kriteria persampelan dipengaruhi oleh matlamat sesebuah kajian (Ritchie dan Lewis, 2003). Selain itu, Kumar (2005), mendefinisikan bahawa persampelan bertujuan ini akan membantu pengkaji untuk mengenalpasti informan dengan cara kriteria yang berkaitan kajian dan bersetuju untuk melibatkan diri. Setiap informan dilabelkan sebagai Informan 1, Informan 2, Informan 3, Informan 4, Informan 5, Informan 6, Informan 7, Informan 8, Informan 9, Informan 10, Informan 11 dan Informan 12.

Jadual 1: Maklumat Informan

Informan	Pengalaman Bekerja (Tahun)	Media
R1	3	Bercetak
R2	13	Dalam Talian
R3	6	Dalam Talian
R4	3	Dalam Talian
R5	3	Dalam Talian
R6	3	Bercetak
R7	2	Bercetak
R8	3	Dalam Talian

R9	16	Cetak
R10	4	Dalam Talian
R11	15	Cetak
R12	19	Dalam Talian

Dapatan Kajian

Hasil temubual dengan wartawan memberikan pelbagai input yang melihat bagaimana COVID- 19 dan PKP memberikan kesan kepada dunia pekerjaan dan kehidupan peribadi mereka. Selepas analisis dilakukan terhadap data yang diperolehi, hasil kajian boleh dipecahkan kepada dua kategori utama iaitu kesan berunsur positif dan kesan berunsur negatif. Dapatan kajian ini menunjukkan pandemik dan PKP ini bukan seratus peratus membawa impak buruk kepada wartawan, tetapi sebenarnya secara tidak langsung, ia turut memberi kesan yang baik.

a. Kesan Positif

Kesan positif pertama yang dikenalpasti adalah berkaitan teknologi. Wartawan dalam kajian ini menyatakan mereka banyak mempelajari aplikasi baru semasa tempoh PKP yang membantu mereka menjalankan tugas dengan lebih lancar. Selama ini teknologi komunikasi dan aplikasi seperti sudah lama wujud, tetapi ianya dilihat seperti tidak penting dalam dunia kewartawanan dan tidak diberikan perhatian sewajarnya oleh para wartawan. Walau bagaimanapun pandemik ini telah membuka peluang kepada wartawan untuk menambah pengetahuan dan ilmu mereka khususnya dalam penggunaan teknologi komunikasi terkini. Informan 2 menyatakan dengan menggunakan pelbagai aplikasi ini, kerja beliau menjadi mudah dan cepat.

Manakala Informan 11 menyatakan,

“Satu benda yang baik tentang PKP ini ialah kami banyak kutip maklumat melalui talian dan kerana itu kami banyak belajar benda-benda baru mengenai dunia atas talian. Memang mula-mula susah juga lah tapi sebenarnya bila sudah faham cara guna, ia memudahkan kerja. Kami banyak buat kerja melalui goolge meet, zoom dan kadang- kadang video call sahaja.”

(Temubual Informan 11, 2 Disember 2022).

“... ada orang nak buat PC guna google meet, ada orang nak pakai video call, ada pula nak main-main voice note. So kena up to date semua teknologi supaya tak ketinggalan lah. Rasa macam pergi balik alam persekolahan atau universiti pula... sebab banyak kena belajar benda baru.”

(Temubual Informan 8, 17 November 2022).

Wartawan juga menyatakan tempoh PKP menyebabkan mereka mudah untuk mendapatkan berita. Situasi pemberitaan sebelum PKP menunjukkan sumber berita yang dikatakan sangat degil dan hanya mahu memberikan maklumat jika berjumpa secara bersemuka sahaja. Bagaimanapun situasi ini berubah sejak PKP dan ramai pemberi maklumat atau sumber hanya mahu berhubung melalui telefon atau aplikasi dalam talian sahaja. Hal ini menurut responden secara tidak langsung menjimatkan wang, masa dan tenaga mereka. Menurut Informan 5,

“Pemberi maklumat ini takut nak jumpa kami...hahaha.. takut kami jadi pembawa virus ...tahu takut mereka ini...tapi baguslah...tak payah hendak susah payah jumpa sedangkan maklumat itu boleh disampaikan secara atas talian sahaja”

(Temubual Informan 5, 1 Disember 2022)

Kesan positif ketiga yang berjaya dikenalpasti ialah wartawan banyak mendapat sumber untuk menulis berita. Perkara ini terjadi kerana sumber berita mahu dan sentiasa bersedia memberi pandangan, nasihat, dan ulasan.

“Perkara seperti ini memang banyak berlaku sejak dahulu...tapi menjadi-jadi masa PKP ini.”

(Temubual Informan 8, 17 November 2022).

“Ada je orang hendak berikan pandangan dan sebagainya. Kita tak minta pun. Tiba-tiba call dan nak bagi idea bagi. Sometime serba salah pula kalau tak layan sebab mereka ini memang banyak membantu kerja saya dari dahulu.”

(Temubual Informan 10, 2 Disember 2022).

“...mungkin PKP ini mereka tak ada kerja kot, asyik nak telefon kita je dan nak bagi statement...”

(Temubual Informan 5, 1 Disember 2022).

Kesan positif lain yang berjaya dikenalpasti ialah kesedaran tentang penjagaan kesihatan mental dan fizikal. Informan dalam kajian ini menyatakan mereka gembira kerana dapat meluangkan lebih masa dengan keluarga. Menurut Informan 4, sebelum PKP diperkenalkan di negara ini ada kalanya beliau keluar seawal jam 5 pagi dan balik pada 5 pagi keesokannya dan tidak berjumpa dengan anak-anak beliau. Manakala Informan 2 menyatakan:

“...sekurang-kurangnya PKP ini bagi saya peluang untuk lebih memahami anak-anak dan isteri saya.”

(Temubual Informan 2, 9 Disember 2022).

Bekerja dari rumah juga memberikan masa untuk informan untuk berehat terutamanya mendapat tidur yang cukup.

“Walaupun tak lah dapat berehat secara total, tapi dapatlah merasa tidur lama sikit sebab tak payah terkejar-kejar lagi terutamanya untuk cover berita-berita kemalangan atau jenayah... Bahan bayan penulisan kami dapat secara online je...”

(Temubual Informan 7, 19 Disember 2022)

b. Kesan Negatif

Kesan negatif paling ketara yang dialami oleh semua informan yang ditemubual ini adalah keperluan untuk mereka bekerja dari rumah yang merupakan suatu norma yang bertentangan dengan kerja wartawan itu sendiri. Menurut responden, bekerja dari rumah menyebabkan mereka seperti kehilangan perasaan menjadi wartawan dan seolah-oleh menjadi penulis yang asyik bekerja di hadapan komputer sahaja. Menurut Informan 8:

“Memang dahulu kami duduk menghadap komputer tetapi bukan 24 jam. Ini zaman PKP dari buka mata dari tidur sehingga tutup masa hendak tidur, komputer dan telefon lah peneman setia.”

(Temubual Informan 8, 17 November 2022).

*“Tak best lah..wartawan kena keluar bekerja...ini tak asyik berku-
rung kat rumah ‘je.”*

(Temubual Informan 1, 28 November 2022

Para informan sependapat bahawa bekerja dari rumah memberikan tekanan secara mental dan emosi yang hebat kepada mereka.

*“Banyak faktor sebenarnya...keluarga, dateline, tempat tak sel-
esa, takut dapat covid..macam-macam lah. Sometime rasa cam
zombie pula buat kerja-kerja ini. Sometime tak ada apa pun, tapi
still rasa stress.”*

(Temubual Informan 5, 1 Disember 2022).

Kesan negatif seterusnya yang dikatakan oleh informan ialah keadaan mereka yang terpaksa bergantung kepada teknologi komunikasi terkini untuk melengkapkan tugas harian. Menurut Informan 3,4,6 dan 8, mereka terpaksa bergantung seratus peratus dengan teknologi untuk mendapatkan berita. Mereka menyatakan sebelum PKP teknologi komunikasi berfungsi untuk membantu sahaja, tetapi dalam tempoh PKP, kerja hampir mustahil boleh dilakukan tanpa adanya teknologi sedemikian sebagai pemudahcara.

*“...bayangkan kalau internet slow atau tiada line, mau jadi se-
perti cacing kepanasan sebab kita tidak dapat kumpul berita,
tidak boleh hantar berita dan sebagainya. Tiada internet tak da-
pat buat kerja.”*

(Temubual Informan 3, 1 Disember 2022).

*“...kewartawanan masa PKP lebih banyak mendidik para war-
tawan dalam penggunaan platform teknologi atau dalam talian
di samping memberikan kesedaran bahawa bidang kewartawanan
perlu lebih kehadapan dalam penggunaan teknologi digital”*

(Temubual Informan 7, 19 Disember 2022).

Teknologi juga dikatakan menjadi kekangan kepada mereka ketika bertugas dalam waktu PKP. Informan 7 menyatakan beliau mengalami masalah untuk berinteraksi bersama sumber terutamanya warga emas kerana mereka sukar untuk menyesuaikan dan menerima perkembangan teknologi.

“...Bukan semua responden dan sumber yang mempunyai pengetahuan mengenai IT untuk menjalankan temubual secara atas talian, khususnya golongan warga emas.”

(Temubual Informan 7, 19 Disember 2022).

“...Ada pula masa kita seronok cover berita...tup tup internet tiada connection atau tak ada elektrik...memang menangis di tepi katil lah jawabnya...hahahaha...”

(Temubual Informan 1, 28 November 2022).

Informan juga menyatakan mereka terpaksa berhadapan dengan pelbagai jenis SOP yang ketat sehingga menyebabkan kadang-kadang mereka terasa tertekan untuk keluar membuat liputan berita terutamanya jika menghadiri sidang media. Jelas mereka lagi, debaran dan takut lupa SOP lebih ketara daripada debaran semasa mendapatkan sumber berita.

“... Of course one of the thing yang paling mencabar is because kita tak boleh berkumpul. Kita kena jaga penjarakan sosial, at the same time... macam hendak berkawad pula jauh-jauh ini. Kadang itu tiba-tiba rasa takut macam... aku ikut tak SOP ini...?”

(Temubual Informan 3, 1 Disember 2022)

Selain itu, Informan 5, pula menyatakan bahawa golongan wartawan terdedah untuk mendapat jangkitan kerana mereka kadang-kadang terpaksa pergi ke kawasan yang kurang selamat semasa PKP.

...sebenarnya cabaran masa PKP ini lain macam. Dahulu kami cover news...macam katakan bencana alam ke kebakaran ke, kami tahu benda itu sedang berlaku dan tidak memberikan impak kesihatan kepada kami...mungkin kami terkesan dari segi emosi sahaja. Sekarang kami kena berkerja dalam suasana bahaya yang kami tidak nampak. Apa sahaja yang ada di sekeliling kami nampak membahayakan...”

(Temubual R4, 1 Disember 2022)

Informan 7 pula mengalami masalah dalam pencarian bahan penulisan yang unik dan berita-berita yang berunsur *human interest*. Ini kerana informan menyatakan kadang-kadang adalah agak membosankan untuk menulis berita berkaitan virus COVID-19 sahaja.

“Ada sumber untuk berita-berita yang menarik tapi tak berani nak bagi interview, sebab takut saya scammer pula...Aduii...”
(Temubual Informan 10, 2 Disember 2022).

*“Ada juga yang bila internet mereka atau saya slow, then putus, sumber terus hilang, dan tidak dapat dihubungi...call pun tak an-
gkat...tak tahu apa jadi. “*
(Temubual Informan 5, 1 Disember 2022).

Rumusan Dapatan Kajian

Hasil temubual dengan semua informan berjaya mengariskan empat kesan positif dan enam kesan negatif yang telah dilalui oleh wartawan di Malaysia yang bertugas semasa era pandemik. Dapatan kajian ini memperlihatkan wartawan memberikan jawapan yang sama tetapi dari sudut yang berbeza. Misalnya, ada wartawan menyakan bekerja dari rumah memudahkan mereka, tetapi ada pula wartawan menyatakan kerja dari rumah memberikan tekanan kepada mereka. Ada wartawan yang menyatakan teknologi komunikasi menyenangkan mereka, manakala ada yang menyatakan teknologi itu menyusahkan kerja mereka. Masing-masing mempunyai sudut pandangan dan memberikan contoh untuk menyokong jawapan yang mereka berikan.

Perbincangan

Kajian yang bertujuan melihat kesan PKP terhadap kerjaya wartawan ini secara dasarnya berjaya menyenaraikan kesan positif dan kesan negatif. Kesan-kesan positif berkenaan ialah, norma kerja baru yang memberikan ruang untuk wartawan berehat, belajar mengenai teknologi maklumat (IT) untuk memudahkan kerja mereka, kesihatan mental dan fizikal yang baik dan mendapat berita dengan mudah dan cepat. Dari sudut yang negatif pula kajian mendapati wartawan tidak menyukai cara bekerja dari rumah dan kerana itu mereka mengalami tekanan kerana tidak dapat keluar dan bertemu dengan sumber berita, terpaksa bergantung secara total terhadap IT dan kegagalan teknologi menyebabkan kerja mereka tergendala, tekanan sebab SOP yang ketat, berisiko tinggi untuk mendapat virus COVID-19 dan kesukaran mendapat pelbagai jenis berita kerana tumpuan berita hanyalah pada isu-isu penularan COVID-19 sahaja.

Kumpulan ini terpaksa berhadapan dengan norma baru apabila negara diancam virus COVID-19 dan dikenakan PKP. Wartawan yang sentiasa turun ke lapangan untuk mendapatkan berita, bertemu dengan sumber, turun ke tempat kejadian dan sebagainya terpaksa menyesuaikan cara bekerja baharu iaitu bekerja dari rumah sepenuhnya. Dapatan ini adalah selaras dengan apa yang telah dikatakan oleh Pavlik (2013) iaitu wartawan terpaksa menyesuaikan diri ketika munculnya sesebuah krisis dan bencana untuk menyesuaikan diri dengan norma baharu. Pandemik ini telah menyebabkan wartawan terpaksa mengalah dan terpaksa akur untuk bekerja dari rumah jika tidak mempunyai kepentingan yang sangat penting untuk ke lapangan atau untuk ke pejabat. Menurut Leanfactor (2020) sebelum penularan wabak COVID-19, hanya 19.6% wartawan yang bekerja dari rumah. Tetapi PKP telah mengubah norma ini menyebabkan wartawan akur untuk bekerja dari rumah.

Norma baharu iaitu bekerja dari rumah ini secara langsung dan tidak langsung memberikan tekanan kepada golongan wartawan ini. Dapatan ini adalah selaras dengan dapatan kajian yang diperoleh oleh Jonas Osmann, Meera Selva, dan Anthony Feinstein (2020) yang menyatakan wartawan mengalami kesan dari segi psikologi ketika melaporkan COVID-19 iaitu mengalami simptom kebimbangan, kemurungan, dan tekanan (Feinstein A, 2014). Bagaimanapun dapatan kajian yang diperoleh mendapati bahawa wartawan mengalami tekanan perasaan dan tekanan hanya semata-mata kerana tidak dapat keluar menjalankan rutin harian mereka dan seterusnya kebimbangan terlepas berita sahaja dan bukannya disebabkan faktor lain.

Wartawan juga bergantung sepenuhnya kepada peralatan teknologi untuk mengumpulkan data dari sumber, menghasilkan berita dan seterusnya menghantar berita berkenaan kepada syarikat mereka bekerja. Kajian oleh Jamil (2020) juga menunjukkan ianya memberi impak kepada wartawan yang bergelut menangani inovasi teknologi. Walaupun aktiviti berkenaan sudah berlaku sebelum PKP, tetapi penggunaan teknologi hanyasesuai dilakukan untuk berita-berita yang ringan dan tidak melibatkan sidang media. Kini sumber ditemubual secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi-aplikasi komunikasi yang moden. Wartawan terpaksa menjadi celik IT untuk terus memikul tanggungjawab mereka kepada negara dan masyarakat.

Kesan penggunaan teknologi ini menyebabkan wartawan sukar untuk melakukan tugas kewartawanan mereka terutamanya untuk mengumpul data. Dalam konteks ini, penyampaian maklumat atau berita terhadap masyarakat adalah perkara yang penting bagi wartawan, namun penularan wabak COVID-19 menyebabkan wartawan sukar untuk bertemu bual dengan sumber dan maklumat yang disampaikan oleh sumber adalah terhad (Perreault & Perreault, 2021).

Welton (2020) menegaskan bahawa wartawan mempunyai tanggungjawab yang penting untuk menyampaikan maklumat yang benar kepada masyarakat. Walaupun Malaysia tidak mencatat sebarang kes yang melibatkan kematian wartawan, tetapi kebimbangan kumpulan ini untuk dijangkiti virus ini adalah amat tinggi. Para wartawan terpaksa memikul tanggungjawab dan amanah untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat dan risiko ini terpaksa diambil oleh kumpulan wartawan ini. Hal ini demikian kerana para wartawan berperanan sebagai salah satu saluran penyampaian maklumat kepada semua lapisan masyarakat ketika berlakunya sesebuah krisis mahupun bencana (Christians et al., 2010).

Kesimpulan

Selama ini wartawan telah bertugas dalam pelbagai situasi termasuk bencana alam, kemalangan, jenayah, pilihanraya, dan isu besar seperti kehilangan kapal terbang MH370. Bagaimanapun ancaman COVID-19 yang menyebabkan seluruh penduduk dunia terkurung di rumah membawa fenomena kewartawanan baharu kepada golongan ini. Pada sepanjang tempoh PKP banyak norma baharu terpaksa dilalui oleh wartawan. Walau bagaimanapun wartawan di negara ini telah berjaya melaluinya dengan sangat baik. Kajian impak perintah berkurung ini boleh menjadi panduan dan persediaan kepada bakal wartawan, jika negara dilanda masalah sebegini pada masa hadapan.

Rujukan

- Ahmad, A., Jamaludin, A., Zuraimi, N. S., & Valeri, M. (2020). Visit intention and destination image in post-covid-19 crisis recovery. *Current Issues in Tourism*, 24(17), 2392–2397. Retrieved from <https://doi.org/10.1080/13683500.2020.1842342>
- Amdan, R., Abdullah, F., & Md Syed, M. A. (2022). *Pandemik Covid-19, Norma baharu dan cabaran wartawan berita kesihatan di Malaysia. Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 38(4), 43–61. Dimuat turun dari <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2022-3804-03>
- Astro Awani. 2020. COVID-19: Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 hingga 31 Mac – PM. Dimuat turun dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-perintah-kawalan-pergerakan-mulai-18-hingga-31-mac-pm-233914>
- Baker, S. E., & Edwards, R. (2012). *How many qualitative interviews is enough*. Dimuat turun dari https://eprints.ncrm.ac.uk/id/eprint/2273/4/how_many_interviews.pdf
- Bernadas, J. M. A. C., & Ilagan, K. (2020). Journalism, public health, and COVID-19: Some preliminary insights from the Philippines. *Media International Australia*, 177(1), 132-138.
- Chakraborty, I., & Maity, P. (2020). COVID-19 outbreak: Migration, effects on society, global environment and prevention. *Science of the Total Environment*, 728, 1-7.
- Christians, C. G., Glasser, T., McQuail, D., Nordenstreng, K., & White, R. A. (2010). *Normative theories of the media: Journalism in democratic societies*. University of Illinois Press.
- Cucinotta, D., & Vanelli, M. (2020). WHO declares COVID-19 a pandemic. *Acta Bio Medica: Atenei Parmensis*, 91(1), 157–160.
- Daga, M. K., Kumar, N., Aarathi, J., Mawari, G., Garg, S., & Rohatgi, I. (2019). From SARS-CoV to Coronavirus Disease 2019 (COVID-19)-A Brief Review. *Journal of Advanced Research in Medicine*, 6(4), 1–9.
- Feinstein A, Audet B, Wagnine E. (2014). Witnessing images of extreme violence: a psychological study of journalists in the newsroom. *JRSM Open*. 5(8). doi:10.1177/2054270414533323

- Giovanetti, M., Benvenuto, D., Angeletti, S., Ciccozzi, M. (2020). The first two cases of 2019-nCoV in Italy: Where they come from? *Journal of Medical Virology* 92(5): 518-521. Dimuat turun dari <https://onlinelibrary.wiley.com/doi/abs/10.1002/jmv.25699>
- Grardina Peni Payo. (2020). Hambatan Jurnalis di Jogja TV dalam peliputan berita di masa pandemi COVID-19. Dimuat turun dari <http://reader.mercubuana-yogya.ac.id/index.php/display/file/12713/1/>
- Guest, G., A. Bunce, and L. Johnson. (2006). How many interviews are enough? An experiment with data saturation and variability. *Field Methods*, 18, 59–82.
- Halimah, Adnan, Wan Zaimah, & Wan Adnan. (31 Disember 2020). Impak Pandemik COVID-19: Kajian keberkesanan proses pendaftaran pelajar dan hari suai kenal pelajar baharu sebelum dan semasa perintah Kawalan Pergerakan pemulihan (PKPP). Dimuat turun dari <https://journalarsvot.com/index.php/anp-jssh/article/view/11>
- Hooker, C., King, C., & Leask, J. (2011). Journalists' views about reporting avian influenza and a potential pandemic: A qualitative study. *Influenza and Other Respiratory Viruses*, 6(3), 224–229. Dimuat turun dari <https://doi.org/10.1111/j.1750-2659.2011.00319.x>
- Jabatan Perdana Menteri (JPM). (2020). Perutusan Khas YAB Perdana Menteri – 23 April 2020. Dimuat turun dari <https://www.pmo.gov.my>
- Jamil, S., & Muschert, G. W. (2020, August 5). *Fourteen: Risks to journalists' safety and the vulnerability of media freedom in the U.S.* Bristol University Press. Dimuat turun dari <https://bristoluniversitypressdigital.com/display/book/9781447354611/ch014.xml>
- Juditha, C. (2016,). *Etika Jurnalisme bencana dalam berita televisi (Bencana Gunung Berapi Sinabung di TVONE)*. Dimuat turun dari Jurnal Komunikasi. <https://journal.untar.ac.id/index.php/komunikasi/article/view/22>
- Juliana Langgat. (2020). *Norma Baharu: P&P Amali dari Rumah. Kota Kinabalu*: Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Dimuat turun dari https://oer.ums.edu.my/bitstream/handle/oer_source_files/1312/P&P%20Grooming.pdf?sequence=1
- Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021. COVID-19 MALAYSIA. Dimuat turun dari <http://covid-19.moh.gov.my/terkini/>.

- Kumar, R. (2005). *Research methodology: A step by step guide for beginners*. Australia: Pearson Longman Education.
- LeanFactor. (2020, May 14). Only 5% of Spanish journalists could enjoy flexible work at home or office before the pandemic. Dimuat turun dari <https://leanfactor.net/only-5-of-the-spanish-periodistas-could-enjoy-a-flexible-work-from-home-or-office-before-the-pandemic/>
- Leask, J., Hooker, C., & King, C. (2010). Media coverage of health issues and how to work more effectively with journalists: A qualitative study. *BMC Public Health*, 10(1). Dimuat turun dari <https://doi.org/10.1186/1471-2458-10-535>
- Muhammad Ridlo, & Gani, R. (2022). Strategi peliputan berita di Masa Pandemi. *Bandung Conference Series: Journalism*, 2(2). Dimuat turun dari <https://doi.org/10.29313/bcsj.v2i2.4544>
- Norris, F., & McFarlane, A. (2006). In *Methods for disaster mental health research* (p. 4). essay, Guilford Press.
- Osmann J, Selva M, Feinstein A. How have journalists been affected psychologically by their coverage of the COVID-19 pandemic? A descriptive study of two international news organisations. Retrieved From <https://bmjopen.bmj.com/content/bmjopen/11/7/e045675.full.pdf>
- Pavlik, J. V. (2013). Innovation and the future of journalism. *Digital Journalism*, 1(2), 181-193. Dimuat turun dari <https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/21670811.2012.756666>
- Perreault, M. F., & Perreault, G. P. (2021). Journalists on COVID-19 Journalism: Communication ecology of pandemic reporting. *American Behavioral Scientist*, 65(7), 976–99. Dimuat turun dari <https://doi.org/10.1177/0002764221992813>
- Putri, A. (2020). Penyakit menular & virus Corona. Retrieved From <https://osf.io/w862z/>
- Qiu, W., Chu, C., Mao, A., & Wu, J. (2018). The impacts on health, society, and economy of SARS and H7N9 outbreaks in China: A case comparison study. *Journal of Environmental and Public Health*, 2018, 1–7. Retrieved From <https://doi.org/10.1155/2018/2710185>
- Ritchie, J. dan Lewis, J. (2003). *Qualitative research practice: A guide for social science students and researchers*. London: Sage Publications.

- Roosa, K., Lee, Y., Luo, R., Kirpich, A., Rothenberg, R., Hyman, J. M., Yan, P., & Chowell, G. (2020). Real-time forecasts of the covid-19 epidemic in China from February 5th to February 24th, 2020. *Infectious Disease Modelling*, 5, 256–263. Dimuat turun dari <https://doi.org/10.1016/j.idm.2020.02.002>
- Samsudin, S. S., Armugam, M. A. L., & Tai, M. K. (2021). Mengurus perubahan semasa perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di sebuah sekolah menengah: Suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 388–395. Dimuat turun dari <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.850>
- Siti Nur Ain Mustafa, Mohamad Saifudin Mohamad Saleh & Azman Azwan Azmawati. (2021). Cabaran dalam pelaporan berita tsunami: Satu kajian terhadap wartawan Malaysia dan Indonesia. *Malaysia Journal of Social Sciences & Humanities*, 6:1, 1-11. Dimuat turun dari <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/584/448>
- Spinelli A, Pellino G. (2020) COVID-19 pandemic: Perspectives on an unfolding crisis. *Br J Surg*.107(7):785-787.
- Feinstein A, Audet B, Waknine E. Witnessing images of extreme violence: a psychological study of journalists in the newsroom. *JRSM Open*. 2014;5(8). doi:10.1177/2054270414533323. Dimuat turun dari <https://academic.oup.com/bjs/article/107/7/785/6093938>
- Su, S., Wong, G., Shi, W., Liu, J., Lai, A. C. K., Zhou, J., Liu, W., Bi, Y., & Gao, G. F. (2016). Epidemiology, genetic recombination, and pathogenesis of Coronaviruses. *Trends in Microbiology*, 24(6), 490–502. Dimuat turun dari <https://doi.org/10.1016/j.tim.2016.03.003>
- Welton, C. (2020, April 2). In a moment of uncertainty, TIME is certain of its 97-year mission. *Folio*. Dimuat turun dari <https://www.foliomag.com/time-certain-of-its-mission/>
- Wirawanda, Y. & Arrasyid, K. H. (2021). Jurnalisme konstruktif dalam berita varian baru COVID-19 (Analisis semiotika Roland Barthes terhadap berita di *okezone.com*). *Calathu: Jurnal Ilmu Komunikasi*, 3(1), 20–28.